



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“
**KERATAN
AKHBAR
KESUMA**”

**SABTU
14 Februari 2026**



RUU bela nasib *rider*

MENURUT laporan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) pada 2023, pertumbuhan pesat ekonomi digital terus mengubah landskap pasaran buruh negara apabila lebih 1.12 juta rakyat Malaysia kini terlibat dalam ekonomi gig.

Sektor ini merangkumi perkhidmatan p-hailing, e-hailing, kerja bebas digital serta aktiviti pemasaran dalam talian yang semakin menjadi pilihan sebagai sumber pendapatan alternatif.

Perkembangan itu didorong oleh peningkatan kos sara hidup serta peluang pekerjaan formal yang semakin terhad, sekali gus menjadikan pekerjaan gig sebagai pilihan fleksibel kepada ramai individu.

Walaupun menawarkan kebebasan masa bekerja, model pekerjaan berasaskan platform digital ini turut menimbulkan pelbagai cabaran dari sudut perlindungan undang-undang dan kebajikan sosial.

Menurut Profesor Madya di Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, Nurhidayah Abdullah, isu utama ialah klasifikasi pekerja gig sebagai kontraktor bebas dan bukannya pekerja di bawah undang-undang buruh sedia ada.

"Klasifikasi pekerja gig sebagai kontraktor bebas mengecualikan mereka daripada perlindungan asas seperti gaji minimum, faedah pekerjaan serta akses kepada mekanisme penyelesaian pertikaian yang lebih menyeluruh.

"Keadaan ini mewujudkan



jurang perlindungan yang ketara dan menimbulkan ketidakseimbangan dalam struktur pasaran buruh negara.

"Dari aspek keselamatan sosial pula, kemudahan caruman sukarela kepada Perkeso yang disertai secara terhad tanpa kewajipan mandatori platform turut mengehadkan keberkesanan perlindungan kepada pekerja gig.

"Akibatnya, pekerja gig kekal terdedah kepada risiko kemalangan, masalah kesihatan dan ketidakjaminan pendapatan pada hari tua tanpa jaringan keselamatan sosial yang kukuh," katanya.

Selain itu, struktur pendapatan dalam ekonomi gig lazimnya bergantung kepada permintaan pasaran serta sistem algoritma platform yang kurang telus.

Situasi ini menimbulkan ketidakpastian pendapatan dan ketidakseimbangan kuasa antara platform digital dan pekerja.

Kawalan melalui sistem penarafan, pengagihan tugasan dan penamatan akaun secara sepihak memperkukuh kedudukan dominan platform.

Mekanisme aduan yang

tersedia kebanyakannya bersifat dalaman dan dikendalikan sepenuhnya oleh platform, sekali gus menimbulkan persoalan mengenai keadilan prosedural dalam hubungan kerja berasaskan platform.

Sementara itu, Profesor Madya lain di Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, Nadhratul Wardah Salman berkata, kerajaan sedang menggubal Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig 2025 bagi menangani isu berkenaan.

RUU tersebut bertujuan mengiktiraf status pekerja gig, serta menetapkan prinsip asas perlindungan dan kebajikan mereka, namun beberapa kelemahan dikenal pasti.

"Beberapa kelemahan termasuk aspek penguatkuasaan, skop perlindungan yang terhad serta kekaburan tanggungjawab platform terhadap caruman keselamatan sosial dan standard perlindungan minimum.

"Cadangan penubuhan Suruhanjaya Pekerja Gig turut diketengahkan sebagai badan khusus bagi menyelaras kawal selia, penguatkuasaan, penyelesaian pertikaian dan advokasi awam berkaitan sektor berkenaan.

"Perkembangan ekonomi gig yang semakin pesat memerlukan pendekatan dasar buruh yang lebih progresif dan responsif bagi memastikan keseimbangan antara inovasi digital dan perlindungan hak pekerja," katanya.

MYFutureJobs helped in boosting skilled job placements

KUALA LUMPUR: The job placement strategy through MYFutureJobs under the Social Security Organisation (PERKESO) recorded a 28% rise in high-skilled positions in specialised industries last year.

PERKESO said the surge represents 32,887 placements in 2025, up from 23,638 in 2024.

"The milestone is part of MYFutureJobs' success in helping 1.4 million Malaysians find work from 2020 to December last year.

"Of the figure, support for

Technical and Vocational Education and Training (TVET) graduates was boosted with 92,896 placements secured in 2025 alone," it said in a statement, Bernama reported.

Human Resources Minister Datuk Seri R. Ramanan (*pic*) said the momentum aligns with data from the Statistics Department, which recorded a historic high of 9.21 million job openings.



"Through PERKESO, we have moved beyond traditional job matching to targeted interventions.

"Our focus is on high-impact, high-value industries such as electrical, electronics and green energy, which offer better wages and improve the quality of life."

Ramanan said PERKESO's MYFutureJobs aims to align labour market operations, job matching and policy interven-

tions with industry needs and future skills, using an advanced system to match employer demand with job seekers' profiles and preferences for precise skill alignment.

"Drawing on labour market insights from PERKESO's social security system, MYFutureJobs offers robust data, forecasts and analysis to help job seekers, employers and career counsellors make informed decisions.

"This is the most effective way for school and university counsel-

lors to give students solid career guidance by fully utilising all the features of MYFutureJobs," said Ramanan.

MYFutureJobs now averages 7.5 million monthly visits, linking three million job seekers with over 100,000 employers nationwide.

The minister also said the network with 54 branches, 290 satellite centres, over 600 staff and partnerships with over 50 institutions, aims to reduce skills mismatches in the labour market.